


ISSUE #50/10 OGOS 2025

GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



Kredit Foto: Raul Romo for Timid Magazine



Kredit Foto: Raul Romo for Timid Magazine



PROFILE

ROSS BUTLER

Puas Makan Durian, Cerita Di Batu Caves!

Bintang Hollywood Ross Butler mengaku dalam temu bual bersama Harpers Bazaar pada edisi Oktober 2020 bahawa dia dan ibunya pernah tidak berbicara selama beberapa tahun kerana keputusan untuk menjadi aktor.

Ironi kata Butler, keputusan masuk ke dunia seni pada waktu itu adalah untuk keluar daripada zon selamat. Dia tidak mahu menganyam pekerjaan sebagai jurutera - bidang yang ditekuni seperti keinginan keluarga.

Waktu bergulir. Butler kini membuktikan keputusan menjadi aktor adalah tepat. Namanya harum sebagai salah seorang aktor yang tidak hanya memiliki peminat dari seluruh pelusuk dunia namun sering menjadi kepercayaan penerbit dan pengarah untuk menghidupkan karakter dalam naskhah mereka.

Kini Butler sedang sibuk mempromosi filem terbaharunya, Worth the Wait. Ia menjadi naskhah romantik yang menyaksikan Butler memainkan karakter Khai menjalin asmara bersama Leah (Lana Condor) yang diarahkan oleh sutradara berprolifrik tinggi dari Taiwan, Tom Lin Shu-yu.

Worth the Wait yang mengisahkan tentang empat pasangan dengan budaya berbeza antara Asia - Amerika ini secara tidak langsung mempunyai persamaan asal usul Butler.

Apatah lagi apabila filem yang turut dibintangi aktor-aktres ternama seperti Sung Kang, Andrew Koji, Elodie Yung, Ricky He, Ali Fumiko Whitney, Karena Lam dan Osric Chau ini turut menjalani penggambaran di Malaysia - negara kelahiran ibunya yang berbangsa Cina.

Ibu Butler berkahwin dengan lelaki Belanda dan bintang berusia 35 tahun ini banyak berkelana termasuk menetap di Singapura sebelum menuai sukses di Amerika Syarikat.



Butler yang cukup terkenal menerusi 13 Reasons Why melahirkan keterujaan bukan hanya kerana kembali melihat diversiti yang terdapat di Malaysia tetapi menikmati raja buah yang merupakan kegemarannya.

"Saya seorang penggemar durian! Dulu waktu kecil ibu selalu belikan saya durian yang dibekukan tetapi kembali ke sini (Malaysia) menjalani Worth the Wait adalah satu pengalaman berbeza. Mind blowing!"akui Butler seperti diterjemahkan daripada temu bual StarLifestyle sewaktu sidang media di ibu kota baru-baru ini.

Selain durian, Butler mengaku banyak makanan enak yang dinikmati di Malaysia.

"Tapi sebagai pelakon saya tidak boleh makan terlalu banyak di set penggambaran. Namun saya sukakan makanan (di Malaysia)," katanya.

Suka Batu Caves

Pada temu bual sama Butler turut berkongsi keterujaan berlakon di beberapa lokasi ikonik Malaysia yang dipaparkan dengan cantik dalam Worth the Wait.

Ia termasuklah Batu Caves, Petaling Street dan Dataran Merdeka.

"Saya suka penggambaran di Batu Caves. Bukan hanya tentang anak tangga tetapi kerana monyet di sana dan Condor takut haiwan tersebut. Kami asyik 'berlari' daripada seekor monyet yang besar kerana Condor," kenang Butler.

Worth the Wait kini sudah ditayangkan di pawagam Malaysia dan penerbitnya, Dan Mark menyifatkan penayangan filem ini di beberapa negara lain di dunia sebagai berbaloi kerana ia mengambil masa selama sembilan tahun untuk disiapkan.



Raise The Star Malaysia: Saingan 10 Penjuru! Didie Shazry, Rayme, Hariz Fayaher Antara Pilihan Juara

Hanya tinggal beberapa jam sahaja lagi sebelum salah seorang bintang Raise The Star Malaysia (RTSMY) bakal dinobatkan sebagai juara di pentas final yang akan berlangsung di Royale Teater Shah Alam, pada Ahad. Antara bintang yang akan berentap di pentas akhir ialah Keka, Didie Shazry, Zury, Rayme, Pasya, Zuana, Sharee Lopes, Aliff Amie, Hariz Fayahet, dan Aril Eles.

Secara jujur, hampir lapan minggu menyaksikan mereka membuat persembahan di pentas RTSM, masing-masing tidak pernah menghampakan para juri dan peminat yang hadir untuk menyokong mereka. Agak sukar sebenarnya untuk penulis membuat pilihan kerana kesemua 10 bintang ini hebat-hebat belaka. Tapi jika tetap harus memilih, penulis mungkin akan memilih antara Rayme, Hariz Fayahet, Didie Shazry dan Pasya. Kosistensi persembahan mereka di dalam program ini jelas terlihat dan tidak pernah menghampakan malah ada konsep persembahan yang dilihat segar dan tidak sama seperti program yang sudah pernah ditayangkan di kaca tv.


Bintang seperti Zuana, Zury, Aril Eles, dan Sharee Lopes juga membuktikan kepada semua mereka bukan datang untuk sekadar menghiasi program semata-mata. Mereka juga

adalah pesaing terbesar untuk setiap bintang yang masih kekal kerana mereka juga mampu melakukan magis mereka yang tersendiri. Tetapi harus diingat, nama yang tidak disebut bukan berarti mereka tidak hebat. Mereka juga mempunyai kekuatan mereka yang tersendiri.

Peserta yang mungkin dianggap 'underdog' sebelum ini seperti Keka dan Aliff Amie juga akhirnya berjaya membuktikan bahawa mereka layak untuk bersaing di atas pentas besar itu.

Jadi siapakah yang bakal dinobatkan sebagai juara pertama Raise The Star Malaysia sekali gus membawa pulang wang tunai berjumlah RM30,000 dan trofi. Para peserta akan diadili oleh komposer berdasarkan persembahan dengan markah penjurian sebanyak 80%, manakala undian pihak umum pula menyumbang kepada 20%.

Raise The Star yang dihoskan oleh Alif Star dan Sherry AlHadad bersiaran secara langsung dari Royale Theater Shah Alam selama 8 minggu. Program ini turut dipancarkan secara langsung menerusi saluran Astro Ria serta boleh distrim secara On Demand di aplikasi Astro GO dan sooka.



Momen Paling Janggal Di Pentas

Dalam setiap anugerah atau program hiburan, selain penyanyi yang membuat persembahan menjadi nadi, kehadiran para penyampai anugerah dan hos juga memainkan peranan penting.

Sama ada semua yang berlaku di atas pentas sudah dirancang dan disusun rapi atau terjadi secara spontan, ia akan memberi impak yang besar terhadap program yang berlangsung.

Berikut antara momen paling janggal yang pernah berlaku dalam sejarah penganjuran anugerah atau program hiburan di Malaysia dan juga luar negara.

1.



Bella Astillah - Sophia Albarakhah

Tentulah penganjuran anugerah yang disiarkan untuk memberi pengiktirafan kepada anak seni dan pempengaruh baru-baru ini menjadi hangat apabila dua individu yang diketahui mempunyai sejarah buruk disatukan di atas pentas.

Mereka adalah pelakon dan penyanyi Bella Astillah yang terlihat kekok dan menggigil sewaktu terpaksa menyampaikan anugerah kepada wanita yang pernah dikaitkan menjalin hubungan terlarang bersama bekas suaminya, Alif Aziz iaitu Sophia Al Barakhah.

Insiden tersebut mencetuskan beragam pandangan yang diluahkan di media sosial termasuk menyifatkan tim produksi tidak peka dan sengaja mencari publisiti murahan dengan menggunakan isu lapuk tanpa memikirkan kesejahteraan mental anak seni.

2.



Keka Raise The Star Malaysia

Insiden berlaku tanpa dirancang dan itulah yang berlaku kepada salah seorang peserta Raise The Star Malaysia, Keka.

Wanita yang sudah kelihatan menawan dengan penampilan dan bersedia mempersembahkan bakatnya itu terjatuh di atas pentas sewaktu turun daripada tangga semasa menyampaikan lagu mash-up Training Season dan Don't Stop The Music nyanyian asal Rihanna baru-baru ini.

Pada saat ada yang menuduh ia sebagai gimik, Keka menafikan dakwaan tersebut. Katanya salah satu faktor yang membuatkan dia terjatuh kerana kasut tinggi yang dipakai.

Keka bagaimanapun bersyukur kerana tidak menjalani kecederaan serius.

3.



Chris Rock - Will Smith


Insiden hiburan yang paling mendapat liputan hangat berlaku secara langsung adalah di pentas Anugerah Akademi (Oscars) pada tahun 2022.

Aktor Will Smith telah naik ke atas pentas lalu menampar hos anugerah tersebut, Chris Rock kerana membuat jenaka tentang rambut isterinya, Jada Pinkett Smith. Ironi Jada menghidap penyakit alopecia. Akibat tindakan tersebut, Smith telah dilarang menghadiri Oscar selama 10 tahun meski sudah meminta maaf kepada tim penganjuran dan Rock. Rock juga telah meletak jawatan sebagai ahli Akademi. - MALIAH SURIP



Pengarah: Nisha Ganatra
 Pelakon: Jamie Lee Curtis, Lindsay Lohan, Julia Butters, Sophia Hammons
 Genre: Komedi/Fantasi

'Freakier Friday' kesinambungan kepada filem kegemaran ramai tahun 2003 yang menampilkan sentuhan pelbagai generasi lakonan Jamie Lee Curtis dan Lindsay Lohan. Dalam filem ini, Curtis dan Lohan kembali memegang watak asal mereka sebagai Tess dan Anna Coleman. Ceritanya bersambung beberapa tahun selepas Tess (Curtis) dan Anna (Lohan) menghadapi krisis identiti. Kini, Anna mempunyai seorang anak perempuan dan bakal anak tiri. Ketika mereka menempuh pelbagai cabaran yang timbul apabila dua keluarga bergabung, Tess dan Anna mendapati bahawa akan ada hal yang akan berulang kali kedua.



Pengarah: Tom Lin
 Pelakon: Lana Condor, Ross Butler, Andrew Koji, Elodie Yung
 Genre: Komedi/Drama/Romantik

Sebuah kisah menyentuh hati tentang beberapa individu Asia-Amerika yang pada awalnya tidak saling mengenali, namun perjalanan hidup mereka mula bersilang secara takdir. Mereka dipertemukan melalui detik-detik penuh emosi, cinta yang sedang mekar, kehilangan yang mendalam dan peluang kedua yang tidak dijangka. Pertemuan singkat itu menjadi permulaan kepada hubungan mereka, sekaligus membuka ruang kepada kisah-kisah lain yang turut terjalin termasuk Blake dan Riley, pasangan muda yang cuba meyakinkan bapa saudara Riley, Curtis (Sung Kang) untuk menerima cinta mereka, serta Amanda (Elodie Yung), seorang pelakon terkenal yang sedang bergelut sama ada mahu memberi peluang kedua kepada cinta lamanya dengan Scott (Andrew Koji), seorang penerbit filem.



Pengarah: Woo Ming Jin
 Pelakon: Shaheizy Sam, Azira Shafinaz, Adlin Aman Ramlie, Ruminah Sidek, Samara Kenzo
 Genre: Seram

Berlatar tahun 1970-an, Joe kehilangan isterinya dalam kemalangan tragis yang turut mencederakan dirinya dan anak perempuannya, Sophia. Trauma akibat kejadian itu menyebabkan Sophia menjadi bisu. Setelah rawatan gagal, Joe membawa Sophia ke rumah jagaan milik seorang penyembuh bernama Aishah di Tanjong Rambutan. Di situ, Joe ditawarkan kerja membaiki rumah, namun mereka mula diganggu kejadian aneh. Sophia melihat bayangan makhluk menyeramkan keluar dari perigi lama, sementara Joe turut dihantui kelibat misteri ketika menjalankan tugasnya.

Ernie Zakri, ALPHA Dominasi Carta GMW Minggu Ini!

Carta Gempak Most Wanted (GMW) minggu ini menyaksikan pelbagai kejutan dan dominasi dalam arena hiburan tempatan.

Dalam kategori video muzik trending, Kisah Penuh Kecewa nyanyian Ernie Zakri dan Anggi Marito mengungguli tangga teratas, diikuti Beri Sedikit Waktu oleh Khai Bahar serta Renjana daripada Shiha Zikir.

Di pentas digital, Ica mengekalkan pengaruhnya dalam sukan, Ainee Suhaidi mendahului kategori gaya hidup, Sonic Webs dalam hiburan, dan Reina Lum mendominasi motivasi/pendidikan.

Hos program digital popular pula diterajui Hazeman Huzir, meninggalkan Papayen dan Datuk Aznil Nawawi di belakang.

Kategori drama pula menyaksikan Thariq Ridzuwan berada di puncak carta, mengatasi Mandul Bukan Pilihan dan Sekam Di Dada, diikuti Abang Imam Minah Skuter serta Hilang Dalam Rindu.

Dalam kategori selebriti trending, kumpulan ALPHA terus menjadi fenomena, diikuti Meerqeen, DOLLA, Datuk Seri Siti Nurhaliza dan Jazmy Juma.

Bagi carta lagu, Mona Lisa (Bang Bang) oleh ALPHA menguasai kedudukan pertama, diikuti Arah Cinta Sejati nyanyian Fadhilah Intan dan Aina Abdul, Tangisan Seorang Pendosa oleh Marsha Milan, Break daripada Misha Omar, dan Meta Dergama oleh K.O.I.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11.30 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda! Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi www.gempakmostwantedawards.com bermula sekarang.



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

TOP 5 Video Muzik Trending

1. Kisah Penuh Kecewa - Ernie Zakri, Anggi Marito
2. Beri Sedikit Waktu - Khai Bahar
3. Renjana - Shiha Zikir
4. Sesal - Dato' Sri Siti Nurhaliza
5. Tak Adil - Aisha Retno

TOP 5 Digital Creator Trending (Sports)


1. Ica
2. Achai
3. Rose
4. Fafau
5. Adelle

TOP 5 Digital Creator Trending (Motivation & Education)

1. Reina Lum
2. Osman Affan
3. Dr Nor Faizal Bahuri
4. BeDaie Ustaz Amar
5. Nora Mun

TOP 5 Hos Program Digital Trending

1. Hazeman Huzir
2. Papayen
3. Datuk Aznil Nawawi
4. Datuk Rosyam Nor
5. Fizie



Astro Shaw Kongsi Imej Eksklusif Deretan Filem Baharu 2025

Astro Shaw terus memperkukuh industri perfileman tempatan dengan pengumuman beberapa filem baharu yang akan ditayangkan menjelang suku ketiga dan keempat 2025.

Setiap filem membawa suara serta perspektif berbeza, daripada kisah benar menyentuh hati dalam Abah Saya Uncle Mike, hingga cabaran trauma seorang anggota bomba dalam Legasi Wira Merah.

Filem Magik Rompok pula tampil dengan aksi mendebarkan, manakala Malam Terlarang mengangkat kepercayaan mistik masyarakat tempatan.

3 Hajat pula sarat emosi tentang penyesalan dan pengampunan, dibintangi Eman Manan dan Amerul Affendi. Sementara itu, Wantugo menjadi filem tempatan pertama berkonsep 'battle royale', dan Papa Zola The Movie dijangka menghiburkan penonton seisi keluarga pada hujung tahun ini.

Ketua Astro Shaw, Raja Jastina Raja Arshad menekankan pentingnya penceritaan yang jujur dan pelbagai dalam mengetengahkan suara rakyat Malaysia.

Astro Shaw juga berbesar hati dapat bekerjasama dengan nama-nama besar industri seperti Monsta, Infinitus Gold, Multimedia Entertainment dan Etika.

Keseluruhan barisan filem ini membuktikan komitmen Astro Shaw untuk terus membawa pengalaman sinematik yang berani, berkualiti dan mencerminkan kepelbagaian budaya negara.





Ning Baizura Sebagai Juri! Kakak Arwah Achik Spin & Ibu Ray-D Alpha Antara Bintang Kilauan Emas 2025

Peneraju kandungan dan hiburan Malaysia, Astro kembali dengan penganjuran musim terbaharu program realiti nyanyian ikonik, Kilauan Emas 2025.


Susulan kejayaan penganjuran semula pada tahun 2024, musim kali ini memperkenalkan beberapa pembaharuan strategik termasuk penurunan had umur penyertaan kepada 43 tahun bagi memberi lebih banyak ruang kepada bakat baharu dalam kalangan generasi otai.

Musim ini menyaksikan 12 peserta solo berumur antara 43 hingga 65 tahun termasuk Zanie, Shah, Nurul, Kinar, Mazleen, Majid, Leeza, Ben, Ezan, Zekrai, Nawary dan Vijay.

Program ini dikendalikan oleh personaliti popular Elly Mazlein selaku hos utama, bersama Joey Daud selaku pengacara belakang pentas dan hos Diari Kilauan Emas.

Barisan juri pula mengekalkan primadona Malaysia, Erra Fazira sebagai juri tetap, digandingkan bersama pelawak Roy Azman dan juri terbaharu bersuara emas, Ning Baizura.

Kilauan Emas 2025 akan bersiaran pada 16 Ogos 2025, setiap Sabtu, jam 9 malam di Astro Prima (Saluran 105).



Astro Lancar Kempen 'Inilah KITA, Sehati Bersama' Sempena Bulan Kemerdekaan & Hari Malaysia

Sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, Astro melancarkan kempen "Inilah KITA, Sehati Bersama" dari 15 Ogos hingga 16 September 2025, meraikan perpaduan dan kepelbagaian rakyat Malaysia melalui kandungan, acara dan inisiatif khas.

Kempen ini menampilkan KITA Channel (Saluran 100), saluran eksklusif yang menghimpunkan lebih 50 program tempatan termasuk filem, drama, dokumentari dan konsert hebat seperti Slam X Exist dan Konsert Hael Husaini. Telefilem baharu seperti Kita Bukan Data dan Mariam Meenachi turut ditayangkan dengan barisan pelakon terkenal.

Tiga dokumentari pendek bertajuk Kisah Perpaduan Inilah KITA kini ditayangkan di YouTube Astro, menampilkan kisah rakyat yang mencerminkan keharmonian sebenar — dari kopitiam warisan, perkongsian ruang ibadat di Sarawak, hingga kolaborasi seni lintas budaya.

Acara Hello Inilah KITA akan berlangsung pada 23 dan 24 Ogos di Pavilion KL, diserikan selebriti pelbagai kaum. Manakala KITA FM akan bersiaran langsung dari Putrajaya pada 31 Ogos dan menjelajah ke 13 negeri sehingga 16 September, menyatukan penyampai radio dari Astro dan RTM dalam satu siaran istimewa.

Lagu tema 'Bangkit Malaysia' nyanyian Hael Husaini akan dilancarkan tidak lama lagi, membawa mesej nasionalisme yang segar. Sebagai penutup, acara larian KITA Run bakal diadakan pada 25 Oktober di Serenia City, lengkap dengan aktiviti keluarga dan konsert.





Tiga Tahun Terindah! Cakra Khan 'Undur Diri' Dari Malaysia

Selepas 3 tahun berturut-turut mengadakan konsert di Malaysia, penyanyi, Cakra Khan umum bakal berehat. Pelantun lagu Kepada Hati itu juga meluahkan rasa syukur atas sambutan hangat yang diterimanya setiap kali membuat persembahan di Malaysia.

"Sebenarnya selepas ini saya sudah membuat keputusan untuk berehat. Selama tiga tahun berturut-turut saya berada di sini (Plenary Hall) adalah sangat baik, terima kasih. Dan ini lagu Harus Terpisah buat kita semua," katanya.

Dalam pada itu, Cakra juga memberitahu dia mahu memberi fokus untuk menghasilkan karya-karya baharu sepanjang dia berehat. Konsert Divine Cakra Khan berlangsung di Plenary Hall KLCC pada 2 Ogos 2025.

Berlangsung selama hampir 3 jam Cakra menghiburkan peminat yang hadir dengan 26 buah lagu antaranya Harus Terpisah, Kepada Hati, Terlanjur Cinta, Bunyi Gitar, dan Hal Hebat. Konsert itu turut dimeriahkan dengan persembahan daripada Titi DJ, Marsha Milan, Ade Trio XL, Govinda dan Faizal Lubis.



'Rezeki Last Minute' Hael Husaini, Siti Nurhaliza Hadir Meriahkan Konsert Sulung - "Dia Contact Kata..."

Penyanyi, Hael Husaini meluahkan rasa syukur selepas Biduanita Negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza bersetuju untuk hadir ke konsert sulungnya iaitu Hael Husaini & Repertoire.

Menurut Hael atau nama sebenarnya Hal Husaini Razmi, pelantun lagu Dialah Dihati itu hampir tidak dapat memenuhi undangan kerana kenkangan masa dan hanya dapat pengesahan daripadanya dua hari sebelum konsert berlangsung.

Siti Nurhaliza tampil memberikan kejutan kepada peminat yang hadir dengan menyanyikan lagu ciptaan Hael Husaini dan Ezra Kong iaitu Anta Permana.

Hampir 3 jam berlangsung, Hael mempersembahkan lebih kurang 24 buah lagu nukilannya bersama bintang jemputan antaranya Nadeera Zaini, Wany Hasrita, Nabila Razali, Dayang dan kumpulan Alpha.

Hael Husaini & Repertoire berlangsung dengan jayanya di Zepp Kuala Lumpur pada 8 Ogos 2025.





Financial Faiz

@financialfaiz



Nak Buat 'Passive Income' Dari Rumah Sewa? Fahami Dulu 5 Kos Ini

Ramai beranggapan beli rumah untuk disewakan adalah jalan pintas untuk dapat 'passive income'. Namun menurut pendidik kewangan, Faiz Azmi realitinya tidaklah semudah itu.

Faiz berkongsi 5 kos tersembunyi yang ramai terlupa atau tak ambil kira apabila membeli rumah untuk disewakan.

Capital Expenditure - Kos awal beli rumah sangat tinggi

Ramai tidak sedar bahawa membeli rumah memerlukan modal yang sangat besar. Ini termasuk bayaran pendahuluan, yuran guaman, dan duti setem yang jumlahnya boleh mencecah puluhan ribu ringgit. Bukan itu sahaja, ada juga kos tidak langsung seperti peluang melaburkan wang tersebut di tempat lain seperti ASB yang boleh memberi pulangan tetap setiap tahun.

Kos Sediakan Rumah

Sebuah rumah kosong tidak semestinya boleh terus disewakan. Pemilik perlu mengeluarkan duit untuk memasang langsir, lampu, kipas, membina kabinet dapur dan mungkin juga membeli beberapa perabot asas. Tanpa kemudahan ini, agak sukar untuk menarik minat penyewa yang berpotensi.

Kos Masa & Tenaga

Jika anda memilih untuk menguruskan rumah sewa sendiri, bersedialah untuk menerima panggilan dan mengurus sesi lawatan dengan penyewa. Jika menggunakan khidmat ejen hartanah, anda perlu membayar komisen sekurang-kurangnya satu bulan sewa. Itu pun tidak menjamin rumah akan sentiasa ada penyewa. Ada bulan mungkin kosong, tetapi ansuran bank tetap perlu dibayar.

Rental Gap

Ini terjadi apabila rumah sudah siap untuk disewakan tetapi masih belum ada penyewa. Ejen mungkin mengambil masa untuk mencari penyewa, dan kadang-kadang penyewa hanya bersedia untuk masuk pada bulan berikutnya. Dalam tempoh itu, pemilik rumah perlu menanggung bayaran bulanan pinjaman tanpa sebarang pendapatan sewa masuk.

Kos Sepanjang Penyewaan

Masalah rumah seperti paip bocor, lampu rosak atau peralatan yang pecah adalah perkara biasa. Dalam kebanyakan kes, penyewa akan menghubungi pemilik untuk membaikinya. Jika tiada bukti kerosakan itu disebabkan penyewa, semua kos pembaikan perlu ditanggung oleh pemilik. Ini termasuk bayaran servis, kos alat ganti, malah masa dan tenaga juga habis.

Banyak faktor perlu dipertimbangkan secara serius sebelum membuat keputusan untuk membeli rumah sebagai sumber pendapatan sewa.

Jika tidak, pemilik rumah mungkin terpaksa berhadapan dengan lebih banyak tekanan daripada pulangan yang dijangka.




Black Thorn Creator Honoured With Datuk Title

Leow Cheok Kiang, a durian farmer from Penang, has been awarded the title of Datuk for creating the world-renowned Black Thorn durian (D200), also known as Orh Chi.

Starting as a young boy in his father's orchard, Leow spent nearly 30 years perfecting the variety by crossbreeding local and Thai durians.

Known for its rich, sweet taste and consistent quality, Black Thorn rose to fame after winning a durian competition in 2014 and has since become a premium export to markets like China and Indonesia, all without major marketing, relying solely on word of mouth.



Kind Stranger Escorts Blind Uncle Across 18 LRT Stops

A kind-hearted woman in Kuala Lumpur went out of her way to help a blind elderly man named Uncle Thomas during rush hour at KL Sentral.

Discovering he was headed to Wangsa Maju—a destination not on her route home—she boarded the train with him and traveled across 18 LRT stations to ensure he arrived safely.

She even hailed a cab for him afterward, sharing her gesture in a TikTok video to inspire others to 'treat people the way you want to be treated.'



Malaysia's First Chess Grandmaster!

Yeoh Li Tian from Petaling Jaya has made history as Malaysia's first-ever chess Grandmaster after securing his third GM norm and surpassing the 2500 FIDE rating at the GM-IM Invitational Chess Championship 2025.

Reflecting on his achievement, he described it as meaningful since he finally secured the title on home soil especially after falling short at the 2022 SEA Games in Hanoi and expressed hope that his success will inspire more Malaysians to take up chess.

Read more at www.rojakdaily.com.